

## ORIGINAL ARTICLE

**PEMAPARAN NILAI KEPERCAYAAN KEPADA  
TUHAN DALAM TEKS GARUDAPURANAM****DISPLAY OF THE VALUE OF BELIEF IN GOD IN  
GARUDAPURANAM TEXT****Elangeswari Aruchunnan\*<sup>1</sup>; Silllalee S. Kandasamy<sup>2</sup>;  
Ravindaran Maraya<sup>3</sup>**

<sup>1</sup> Department of Indian Studies, University of Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.  
Email: [ipgm-3868@moe-dl.edu.my](mailto:ipgm-3868@moe-dl.edu.my)

<sup>2</sup> Department of Indian Studies, University of Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.  
Email: [silllalee@um.edu.my](mailto:silllalee@um.edu.my)

<sup>3</sup> Department of Indian Studies, University of Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.  
Email: [ravindaranm@um.edu.my](mailto:ravindaranm@um.edu.my)

\*Corresponding author

DOI: <https://doi.org/10.33306/mjssh/315>

**Abstract**

Hinduism is the oldest religion that is still practiced by most of the Indian community and some communities outside India. A treasure of literature that has a long tradition of describing the way of life and culture of the Indian people from the past. Basically, Hinduism is concerned with spiritual progress and a realistic ethical life. These works of literature play an important role in the application of noble values to enjoy a happy life not only during life on earth but also in the afterlife. These works of literature not only describe the way of life and traditions of a certain group of people, but they are also used as a guide for living by the people in the present time. In this line, the *Garudapuranam* text is one of the texts that discusses the world after death that should be experience by humans born in this world. *Garudapuranam* tells the reward that a soul will receive in the afterlife. In the current study the author will examine the value of belief in God presented in the *Garudapuranam* text. This literature review uses a qualitative approach based on research on past studies related to the *Garudapuranam* text. In this qualitative study, research papers, books and papers related to the study were selected and data was collected and written in a descriptive approach. Based on that, previous studies have shown that the value of belief in God that will be studied in the current study through the *Garudapuranam* text will guide a person to do good deeds and live a good life in earth.

**Keywords:** *Garudapuranam*, Belief in God, Moral Values

### Abstrak

Agama Hindu merupakan agama tertua yang masih menjadi amalan sebahagian besar masyarakat India dan sebahagian masyarakat di luar India. Khazanah kesusasteraan yang memiliki tradisi yang panjang menggambarkan cara hidup serta budaya masyarakat India dari dulu lagi. Pada asasnya, agama Hindu mementingkan kemajuan kerohanian dan hidup beretika yang bersifat realistik. Karya-karya kesusasteraan ini memainkan peranan yang penting dalam penerapan nilai-nilai murni untuk menikmati kehidupan yang bahagia bukan sahaja semasa hidup di bumi tetapi juga di akhirat. Karya-karya kesusasteraan ini bukan sahaja menggambarkan cara hidup serta tradisi sesuatu golongan masyarakat tetapi ia juga boleh dijadikan panduan hidup oleh masyarakat pada masa sekarang. Dalam barisan ini, teks Garudapuram merupakan salah sebuah teks yang membincangkan tentang dunia selepas kematian yang harus dinikmati oleh manusia yang lahir di dunia. Garudapuram menceritakan balasan yang akan diterima oleh sesuatu roh di akhirat. Dalam kajian semasa penulis akan mengkaji nilai kepercayaan kepada Tuhan yang terkandung dalam teks Garudapuram. Kajian literatur ini menggunakan pendekatan kualitatif berdasarkan penelitian terhadap kajian-kajian lepas berkaitan teks Garudapuram. Dalam kajian kualitatif ini, kertas penyelidikan, buku dan kertas kerja yang berkaitan kajian telah dipilih dan data dikumpulkan dan ditulis dalam pendekatan deskriptif. Berdasarkan itu, kajian terdahulu telah menunjukkan bahawa nilai kepercayaan kepada Tuhan yang akan dikaji dalam kajian semasa melalui teks Garudapuram akan memandu seseorang untuk melakukan perbuatan yang baik serta menjalani kehidupan yang baik di bumi.

**Kata Kunci:** Garudapuram, Kepercayaan Kepada Tuhan, Nilai Murni

This article is licensed under a Creative Commons Attribution-Non Commercial 4.0 International License



Received 22<sup>nd</sup> November 2024, revised 5<sup>th</sup> January 2025, accepted 28<sup>th</sup> January 2025

### Pengenalan

Tradisi kesusasteraan India memiliki sejarah yang panjang (Kumaran Ramaiyah, 2015). Ia boleh dikatakan memiliki tradisi kesusasteraan sejak sekurang-kurangnya 2500 Sebelum Masihi lagi (Rajantharan, 2015). Khazanah sastera yang memiliki tradisi yang panjang antara lain turut menggambarkan cara hidup serta budaya masyarakat India. Karya-karya kesusasteraan ini bukan sahaja menggambarkan cara hidup serta tradisi sesuatu golongan masyarakat tetapi ia juga boleh dijadikan panduan hidup oleh masyarakat pada masa sekarang (Muthukothala Mariyappa Selvaraj, 2015). Karya-karya kesusasteraan terutamanya karya Kesusasteraan Bakti dalam Bahasa Tamil sarat dengan pelbagai nilai moral yang boleh dijadikan panduan hidup oleh seseorang yang ingin menikmati kehidupan yang bahagia serta mendekati diri dengan Tuhan yang Maha Esa. Karya-karya ini membantu seseorang untuk menikmati kehidupan yang bahagia bukan sahaja di bumi ini tetapi juga di akhirat nanti (Vellaivarananar, 2002). Mazhab Hinduisme menyatakan bahawa terdapat 18 buah *Puranam* yang dikatakan sebagai karya yang dijadikan pedoman hidup oleh masyarakat Hindu sejak turun temurun lagi (Rishabananthar, 2008).

---

Antara 18 buah karya ini, *Garudapuranam* merupakan salah sebuah karya yang sarat dengan kandungan hasil jawapan yang diberi oleh Tuhan Vishnu kepada Garuda (burung jentayu) atas pertanyaannya mengenai kelahiran, kematian, dunia selepas kematian dan sebagainya. Dalam teks ini, Tuhan Vishnu telah menyatakan tujuan sebenar sesuatu roh hidup di alam bumi dan balasan yang akan diterima oleh sesuatu roh selepas meninggal dunia ke atas setiap tindakan yang dilakukannya semasa hidup di alam bumi (Thurgadass, 2006). Unsur Neraka dan juga Syurga telah diterangkan dengan lebih jelas dalam teks *Garudapuranam* ini. Pada masa kini, kebanyakan manusia dikatakan tidak sedar tentang balasan yang mereka akan terima atas kejahatan yang mereka lakukan semasa hidup di alam bumi selepas meninggal dunia. Oleh yang demikian, pelbagai kes salah laku telah berlaku di muka bumi ini. Agama Hindu menyatakan bahawa setiap tingkah laku yang manusia lakukan ada pembalasannya sama ada semasa hidup di bumi ataupun di akhirat.

### **Skop Kajian**

Dalam kajian semasa pengkaji akan mengkaji kepentingan nilai Kepercayaan Kepada Tuhan. Oleh yang demikian, penulisan ini akan membongkarkan rahsia yang terkandung dalam teks *Garudapuranam* khususnya mengenai kepentingan nilai Kepercayaan Kepada Tuhan yang harus diikuti oleh seseorang untuk menikmati kehidupan yang bahagia di alam bumi dan juga di akhirat. Selain daripada itu, pembalasan yang diterima oleh sesuatu roh di Neraka jika tidak mengamalkan nilai ini juga akan dibincangkan. Dengan ini, seseorang dapat memahami kepentingan mengamalkan nilai Kepercayaan Kepada Tuhan dalam kehidupan seharian. Selain itu, ia juga boleh dijadikan sebagai panduan hidup oleh seseorang untuk menjalankan kehidupan yang benar-benar bermanfaat menerusi prinsip elak dosa dan mengikuti nilai-nilai moral serta berpahala.

### **Latar belakang kajian**

Perkataan ‘moral’ berasal daripada perkataan bahasa Latin ‘*moralitas*’ yang bererti tingkahlaku yang sejajar dengan tatasusila atau peraturan masyarakat (Tam Yeow Kwai, 2006). Di Malaysia, aspek moral dipengaruhi oleh faktor seperti agama, undang-undang dan norma sesuatu masyarakat. Orang yang bermoral ialah seseorang yang mematuhi Rukun Negara, berakhlak mulia, bertanggungjawab, menyumbang kepada keharmonian dan kestabilan negara serta masyarakat global. Mata pelajaran Pendidikan Moral merupakan satu usaha untuk mendidik murid supaya menjadi insan yang bermoral dan berakhlak mulia dengan menekankan aspek perkembangan penaakulan moral, emosi moral dan perlakuan moral. Dalam pada itu, Pendidikan Moral di Malaysia mencakupi nilai-nilai universal untuk dikembangkan dan ditanamkan kepada generasi muda agar mereka menjadi warganegara yang berdaya serta berakhlak mulia. Nilai universal ini merupakan nilai murni yang diterima oleh masyarakat Malaysia dan menepati anutan agama atau kepercayaan masyarakat Malaysia. Terdapat 18 nilai universal dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Sekolah Menengah bagi mata pelajaran Pendidikan Moral. Nilai Kepercayaan Kepada Tuhan merupakan nilai pertama dalam barisan 18 nilai universal seiring dengan prinsip pertama Rukun Negara.

## Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mencapai objektif berikut:

- I. Mengetahui nilai Kepercayaan Kepada Tuhan yang terkandung dalam teks *Garudapurānam* secara kritis.
- II. Meneliti kepentingan mengamalkan nilai Kepercayaan Kepada Tuhan dalam menikmati kehidupan yang bahagia semasa hidup di bumi dan di akhirat.
- III. Mengetahui kesan jika seseorang tidak mengamalkan nilai Kepercayaan Kepada Tuhan.

## Metodologi Kajian

Penyelidikan ini berbentuk kajian kualitatif, iaitu dengan kaedah menganalisis kajian terdahulu untuk memperoleh data dan maklumat mengenai nilai kepercayaan kepada Tuhan yang terkandung dalam teks *Garudapurānam*. Kajian ini dilakukan berdasarkan sumber-sumber bertulis yang sedia diterbitkan. Dengan itu, kajian ini berbentuk penyelidikan kualitatif yang berfokus kepada penyelidikan perpustakaan yang bersifat interpretasi kesusasteraan. Dalam hal ini pemahaman serta tafsiran puisi-puisi lama perlu dilaksanakan secara sistematik supaya hasil penyelidikan yang terbaik dicapai. Untuk mencapai tujuan ini pendekatan Hermenutik akan digunakan.

Hal ini kerana puisi-puisi daripada teks *Garudapurānam* yang dijadikan sebagai asas kajian ini. Hermenutik ialah suatu pendekatan yang disifatkan sebagai seni untuk menginterpretasikan suatu teks, terutamanya teks-teks klasik. Pendekatan ini sesuai untuk kajian selidik kandungan serta kajian perpustakaan bersifat interpretasi kesusasteraan (Lawrence Neuman, 2000). Dengan ini, ianya sesuai bagi kajian semasa yang melibatkan kajian selidik kandungan teks *Garudapurānam* dan mengaitkannya dengan nilai Kepercayaan Kepada Tuhan yang terkandung dalam DSKP Pendidikan Moral Sekolah Menengah. Teori yang digunakan dalam kajian semasa adalah teori *Vedantham*. Teori ini membincangkan konsep ketuhanan serta ideologi ketuhanan yang merupakan perbincangan utama kajian semasa.

## Tinjauan Literatur

### Teks *Garudapurānam*

Teks *Garudapurānam* merupakan salah sebuah karya dalam barisan 18 buah teks *Puranam* utama yang terdapat dalam mazhab Hinduisme. Teks *Garudapurānam* merupakan teks yang menjadi hasil perbualan Tuhan Vishnu dengan *Garudan*, raja segala jenis burung iaitu burung jentayu. Dalam agama Hindu, *Garudan* merupakan dewa kecil tunggangan Dewa Vishnu. Kandungan teks *Garudapurānam* dibahagikan kepada dua bahagian iaitu *Purvagandam* dan juga *Uthragandam*. Teks ini dimuatkan dengan 18 ribu puisi yang membincangkan tentang pelbagai perkara berkaitan falsafah Veda (Gnanasampanthan, 2005). Teks ini membincangkan tentang maklumat astrologi, perubatan tradisional, politik, tatabahasa, kualiti batu, tanggungjawab seorang raja, cara menyembah Tuhan Vishnu, Dewi Mahalakshmi dan Dewa Matahari, teknik pembinaan kuil dan sebagainya dalam bahagian pertama. Bahagian keduanya pula memberikan penerangan lengkap mengenai kehidupan selepas kematian (Keerti, 2013).

Tuhan Vishnu dikatakan menjawab kesemua soalan yang ditanya oleh *Garudan* mengenai konsep kehidupan serta kematian seseorang manusia yang hidup di alam bumi. Tuhan Vishnu melalui teks *Garudapuranam* menyatakan bahawa walaupun terdapat 84 juta jenis kelahiran di bumi, tetapi kelahiran manusia adalah sangat istimewa berbanding dengan kelahiran-kelahiran yang lain (Thurgadass, 2006). Hal ini demikian kerana manusia sahaja mempunyai akal fikiran yang boleh membantu dalam mempertimbangkan sesuatu perkara sebelum melakukannya. Walaubagaimanapun sesiapa sahaja yang lahir di bumi ini tentunya akan meninggal dunia pada suatu hari kecuali orang yang berjaya mencapai *Mukti* yang dikatakan sebagai tahap kesempurnaan kerohanian (Rajantharan, 2012). Golongan ini tidak akan meninggal dunia tetapi akan tinggal bersama dengan Tuhan yang Maha Esa selama-lamanya.

Hinduisme menyatakan bahawa kelahiran dan kematian seseorang hanya bergantung kepada perlakuan yang telah dilakukan oleh sesuatu roh. Roh manusia yang membuat kebaikan semasa hidup di alam bumi akan menikmati kebahagiaan di akhirat dan roh yang membuat pelbagai jenis kejahatan akan mengharungi penderitaan di Neraka. Neraka merupakan tempat pemberian hukuman bagi setiap jenis kesalahan yang telah dilakukan oleh sesuatu roh semasa hidup di bumi. Teks *Garudapuranam* menyatakan bahawa terdapat 84 juta Neraka yang merupakan tempat memberi hukuman bagi kesalahan-kesalahan yang tertentu. Walaubagaimanapun, dalam barisan ini 28 jenis Neraka dikatakan sebagai Neraka yang sangat penting yang sentiasa diduduki oleh pelbagai jenis roh bergantung kepada jenis kesalahan yang telah dilakukannya semasa hidup di bumi. Neraka dikatakan suatu tempat yang sangat menakutkan dan sentiasa berada dalam kegelapan.

### **Kepercayaan kepada Tuhan**

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, "Kepercayaan Kepada Tuhan" dalam konteks bahasa Melayu merujuk kepada keyakinan atau keimanan terhadap kewujudan dan kekuasaan Tuhan serta penerimaan ajaran dan perintah-Nya. Definisi ini juga mencakupi kepercayaan terhadap dewa atau entiti yang dipuja dan dianggap mempunyai kuasa yang besar (Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka). Tuhan merupakan satu konsep yang boleh dijumpai secara universal dalam setiap bangsa dan agama. Maklumat mengenai Tuhan boleh dijumpai dalam kitab agama. Kitab agama dianggap sebagai sumber yang sah oleh penganutnya untuk hal ehwal ketuhanan. DSKP Pendidikan Moral Sekolah Menengah mendefinisikan Kepercayaan Kepada Tuhan ialah keyakinan wujudnya Tuhan sebagai pencipta alam, maha berkuasa dan mematuhi segala suruhannya berlandaskan pegangan agama masing-masing (DSKP Pendidikan Moral, 2017).

Terdapat beberapa prinsip utama dalam Falsafah Pendidikan Negara yang dijadikan sebagai panduan dalam melahirkan insan yang menyeluruh dari segi jasmani, emosi, intelek, rohani dan sosial. Salah satu prinsipnya adalah berpegang teguh pada ajaran agama. Setiap agama mengikuti kepercayaan berdasarkan budaya yang diajar oleh agama masing-masing bagi menunjukkan dan mengukuhkan kepercayaan kepada Tuhan. Agama mengajar para penganutnya untuk melakukan perkara-perkara yang baik. Orang yang percaya kepada Tuhan dikatakan sentiasa mengutamakan kepentingan orang lain, mempunyai perasaan kemanusiaan, bertimbang rasa, hormat menghormati, mempunyai sifat tolong menolong antara satu sama lain tanpa mengira kaum serta kedudukan dan sebagainya.

Nilai Kepercayaan Kepada Tuhan merupakan prinsip pertama Rukun Negara yang wajib diikuti oleh setiap rakyat Malaysia. Antara salah satu objektif nilai Kepercayaan Kepada Tuhan

dipilih sebagai prinsip pertama Rukun Negara ialah agama dijadikan pegangan utama rakyat Malaysia kerana ketiadaan agama boleh meruntuhkan keperibadian seseorang, sesuatu bangsa dan juga negara. Pegangan yang kukuh terhadap agama akan dapat menahan seseorang itu daripada melakukan jenayah dan juga kejahatan. Menyedari betapa pentingnya keteguhan pegangan anggota masyarakat terhadap ajaran agama masing-masing, prinsip ini telah dipilih sebagai prinsip pertama dalam Rukun Negara.

## Konsep Tuhan

Menurut mazhab Hinduisme, Tuhan dianggap sebagai pencipta dan pemelihara alam semesta. Tuhan merupakan satu entiti kewujudan yang Maha-berkuasa, Maha-mengetahui dan Maha-penyayang yang disembah oleh manusia. Masyarakat Hindu pada zaman dahulu hingga sekarang telah menyembah Tuhan dalam pelbagai bentuk dan rupa suci. Tetapi mazhab Hinduisme menyatakan bahawa Tuhan adalah satu tetapi memberi rahmat kepada umat manusia dalam pelbagai bentuk dan rupa suci (Darmalingam, 2012). Menurut Saivisme, pelbagai rupa suci yang ada pada zaman sekarang bukannya dicipta oleh seseorang manusia mengikut imajinasinya tetapi ia diwujudkan oleh para wali mazhab mengikut pengalaman kerohanian yang diperolehi oleh mereka (Muthukothala Mariappa Selvaraj, 2013). Tanggapan mengenai Tuhan sebenarnya adalah berbeza-beza dari suatu agama ke agama yang lain. Walaupun demikian, Tuhan merupakan satu konsep yang boleh dijumpai secara universal dalam setiap bangsa dan agama. Maklumat mengenai Tuhan boleh dijumpai dalam kitab agama. Dalam mazhab Hinduisme, kitab *Veda* menjadi rujukan utama dalam penyembahan Tuhan. Empat kitab *Veda* yang wujud pada zaman *Veda* ialah *Rig Veda*, *Yajur Veda*, *Atharvana Veda* dan juga *Sama Veda*. *Rig Veda* merupakan kitab agama yang tertua di alam dan ajarannya masih ada dalam amalan masyarakat Hindu sedunia (Rajantharan, 2012).

Ajaran ini percaya kepada unsur alam semulajadi seperti matahari, angin, api dan sebagainya. Ia dikatakan mengagungkan kepelbagaian fungsi Tuhan yang menjaga alam semesta ini. *Rig Veda* juga menegaskan bahawa Tuhan adalah satu dan segalanya bermula daripada kuasa yang Maha Esa yang dapat dibuktikan menerusi *Rig Veda* dengan ayat suci “*Ekam Sat Vipra Bahuda Vadanti*”. Kitab-kitab *Veda* juga merujuk dan mentakrifkan Tuhan sebagai *Brahman* iaitu suatu kuasa yang tidak mempunyai awalan dan akhiran. Mazhab Hinduisme menggolongkan Tuhan dalam dua konsep. Ia merupakan *Nirguna Brahman* dan *Saguna Brahman*. *Nirguna Brahman* menandakan konsep abstrak Tuhan iaitu menjelaskan Tuhan tidak mempunyai identiti yang khusus, tiada nama, rupa dan sebagainya. *Saguna Brahman* pula menggambarkan konsep ketuhanan melalui sifat ketuhanan (Rajantharan, 2012). Dalam konsep ini Tuhan diberikan nama, rupa, dan sifat-sifat tertentu untuk disembah oleh penganut-penganut Hindu. Konsep ini dikatakan telah diwahyukan oleh Tuhan kepada para *Maharishi* dan mereka menyebarkan maklumat ini melalui kitab-kitab *Veda*. Dengan adanya konsep ini, penganut dapat menyembah Tuhan dengan cara yang mudah.

## Keputusan dan Perbincangan

### Analisis teks *Garudapuranam*

*Garudapuranam* menegaskan bahawa setiap roh yang lahir di dunia ini harus menyembah Tuhan yang Maha Esa untuk menikmati kehidupan yang bahagia bukan sahaja semasa hidup di bumi

malah di akhirat juga. Mazhab Hinduisme menyatakan bahawa roh yang tidak percaya serta tidak menyembah Tuhan merupakan roh yang berdosa dan akan menerima balasannya di Neraka (Keerti, 2013). Teks *Garudapuranam* menyatakan bahawa setiap jenis kesalahan yang dilakukan oleh sesuatu roh semasa hidup di bumi tentunya akan ada pembalasan di dunia akhirat yang dikatakan sebagai Neraka.

Menurut teks *Garudapuranam*, Yaman iaitu Dewa Kematian akan menghantar tiga orang pengikut beliau yang dikatakan sebagai *Yamakingarargal* untuk membawa sesuatu roh yang meninggal dunia ke alam *Yemalogam* iaitu dunia Dewa Yaman. Teks *Garudapuranam* menyatakan bahawa *Yamakingararkal* ini dikatakan akan mengikat roh ini dengan menggunakan sejenis tali yang bernama *pasakkayiru* dan membawa roh berkenaan ke alam *Yemalogam* (Ponnammal, 2019). Data yang telah diperolehi daripada teks *Garudapuranam* menyatakan bahawa terdapat dua jenis Neraka yang memberi hukuman kepada sesuatu roh yang tidak percaya serta tidak menyembah Tuhan semasa hidup di bumi (Thurgadass, 2006). Roh yang tidak patuh kepada prinsip-prinsip agama serta tidak percaya Tuhan yang Maha Esa dan juga menghina Tuhan yang disembah oleh orang ramai akan dimasukkan ke Neraka yang bernama *Asipathiram*. Teks *Garudapuranam* menjelaskan bahawa di Neraka ini sesuatu roh akan didera oleh sejenis makhluk asing yang dinamakan sebagai *bootham*. Teks *Garudapuranam* menyatakan bahawa sesuatu roh yang dihantar ke Neraka ini akan berada dalam rasa ketakutan buat selamanya. Thirumular melalui puisi,

*Appagaiyaale asurarum tevarum  
Narpagai seythu naduvee mudinthanar  
Eppagai agilum eythar iraivanai  
Poipagai seyyinum ondrupaththu aame (Thirumanthiram 528)*

menyokong fakta yang dikemukakan dalam teks *Garudapuranam*. Thirumular melalui lagu ini menyatakan bahawa kejahatan yang dilakukan oleh orang yang tidak menyembah serta menghina Tuhan akan bertambah menjadi sepuluh kali ganda (Azhagar Nambi, 2021).

Setiap agama yang wujud di dunia ini semestinya menetapkan beberapa prinsip yang harus diikuti oleh penganutnya. Prinsip yang ditetapkan dalam kitab-kitab suci menjadi panduan kepada seseorang untuk menyembah Tuhan. Kitab-kitab suci agama Hindu dapat digolongkan dalam dua kategori. Ianya merupakan *Shruti* dan *Smiriti*. *Shruti* merupakan ajaran-ajaran yang diwahyukan secara berperingkat-peringkat oleh *Maharishi*. *Smiriti* pula merupakan ajaran yang diberikan oleh manusia kepada manusia yang lain. Mazhab Hinduisme juga menyatakan bahawa Tuhan sendiri mencipta prinsip-prinsip ini dan diturunkan melalui para pendeta dan wali-wali yang wujud pada masa itu. Terdapat dua kategori kitab-kitab yang diperakukan oleh masyarakat Hindu. Yang pertamanya merupakan kitab suci umum. Ianya merupakan empat kitab suci *Veda* iaitu *Rig Veda*, *Yajur Veda*, *Sama Veda* dan juga *Atarvana Veda*. Kitab-kitab suci khas merupakan kandungan 14 *Saiva Siththantha Sathiram* iaitu teks-teks yang menyampaikan ajaran serta falsafah Saiva, 12 *Thirumuraigal* yang dirujuk sebagai *Tothiram* (12 antologi lagu-lagu suci) dan 28 *Saiva Aagamam* iaitu teks yang menerangkan tentang prinsi-prinsip pembinaan kuil, cara-cara mengerjakan sembahyang dan pengendalian pelbagai upacara keagamaan. Kitab-kitab suci ini menjadi panduan hidup oleh masyarakat Hindu secara turun temurun lagi untuk mendekatkan diri dengan Tuhan yang Maha Esa.

Tetapi ada juga manusia yang menghina serta tidak akur dengan prinsip-prinsip yang ditetapkan dalam kitab agama. Teks *Garudapuranam* menyatakan bahawa roh yang tidak patuh

kepada prinsip-prinsip yang ditetapkan dalam kitab agama akan dihantar ke Neraka yang bernama *Kirumibojanam* (Ponnammal, 2019). Di Neraka ini sejenis makhluk yang sangat halus berbentuk bakteria akan merusuk ke dalam tubuh badan sesuatu roh dan akan mendera roh berkenaan. Selain daripada itu, teks *Garudapuranam* juga menyatakan bahawa orang yang percaya serta menyembah Tuhan yang Maha Esa akan dilayan baik oleh para pengikut raja Yaman di alam *Yemalogam*. Manakala, roh yang tidak percaya kepada Tuhan serta menghina Tuhan semasa hidup di bumi akan melalui pelbagai jenis penderitaan di sepanjang perjalanan ke alam *Yemalogam* dan juga di Neraka.

Teks *Garudapuranam* menyatakan bahawa jarak di antara bumi dan *Yemalogam* ialah 1280000 kilometer. Perjalanan sesuatu roh ke alam *Yemalogam* akan mengambil masa selama 12 bulan yang dikira sebagai satu tahun (Thurgadass, 2006). Sesuatu roh yang membuat perlakuan yang tidak bermoral perlu melalui pelbagai jenis kesusahan dan penderitaan sepanjang perjalanan sampai ke alam *Yemalogam*. Antara penderitaan yang akan dirasakan oleh sesuatu roh adalah kepanasan yang terik, kesejukan yang keterlaluan, ketakutan, kelaparan, hujan batu dan sebagainya. Sesuatu roh akan mengharungi pelbagai jenis pengalaman yang memberikan pengajaran atas pelbagai jenis perbuatan tidak bermoral yang dilakukan oleh roh berkenaan semasa hidup di bumi. Tuhan Vishnu melalui teks *Garudapuranam* menyatakan bahawa sesuatu roh yang telah membuat pelbagai jenis kebaikan seperti percaya kepada Tuhan, menderma, menolong orang yang berada dalam kesusahan akan diberi kehormatan di alam akhirat juga (Ponnammal, 2019).

Mazhab Hinduisme menyatakan bahawa Tuhan mencipta dunia dan memberi peluang kepada sesuatu roh untuk mendapatkan pengalaman dan menyedari diri sendiri serta Tuhan yang Maha Esa untuk mencapai *Mukti* yang dikatakan sebagai kebebasan kerohanian. Untuk itu sesuatu roh yang lahir di alam bumi khususnya manusia seharusnya perlu bersyukur dengan apa yang diberikan oleh Tuhan dan juga perlu menyembah Tuhan untuk menikmati kehidupan yang bahagia bukan sahaja di alam bumi tetapi juga di akhirat. Hinduisme menyatakan bahawa roh yang percaya kepada Tuhan yang Maha Esa akan sentiasa dilindungi oleh Tuhan serta akan diberi tunjuk ajar oleh Tuhan sendiri.

Mazhab Hinduisme menyatakan bahawa setiap roh adalah serpihan Tuhan yang belum menyedari identiti diri sebenar kerana ia diselubungi *Mayai* yang dikenali sebagai kekaburan. Teori *Vedantham* menyatakan bahawa tujuan utama setiap roh lahir di bumi adalah untuk memutuskan tambatan yang dikatakan sebagai *Anavam*, *Kanmam*, *Mayai* dan bersatu semula dengan Tuhan yang Maha Esa. Ia merupakan kebebasan yang sebenar kepada sesuatu roh. Sehingga itu, sesuatu roh dikatakan akan mengambil pelbagai jenis kelahiran untuk mengenal serta mendekatkan diri dengan Tuhan yang Maha Esa. Oleh itu, setiap roh perlu berusaha untuk mendekatkan diri dengan Tuhan yang Maha Esa melalui upacara sembahyang, bertafakur dan sebagainya. Thirunavukarasar melalui lagu,

“*Palanaai kazhinthalam panimalakothai maartham  
melanai kazhinthalam melivoodu mooppu vanthu  
kolanai kazhinthalam kurikolilathu kedden  
selumam pazhanavezhi thirukondeer saraththulaane*”

(*Tirumurai*, 4067)

menyatakan bahawa seseorang manusia yang melepaskan peluang yang diberi oleh Tuhan dalam kelahiran semasa dengan melakukan perkara-perkara yang tidak berfaedah seharusnya perlu menunggu lama lagi untuk mendapat peluang sebegini untuk mencapai kebebasan kerohanian.



Jadi, beliau melalui lagu ini menyeru umat manusia supaya menggunakan peluang yang diberi oleh Tuhan dalam kelahiran semasa untuk membuat perkara yang baik dan cuba menyembah serta mendekatkan diri dengan Tuhan yang Maha Esa.

### **Penerapan nilai kepercayaan kepada Tuhan dalam konteks pendidikan Malaysia**

Sistem pendidikan di Malaysia memberi keutamaan kepada nilai Kepercayaan Kepada Tuhan ini dengan menjadikannya sebagai nilai universal yang pertama yang wajib diikuti oleh semua rakyat Malaysia. Pelajar sekolah di Malaysia dikatakan wajib belajar tentang kepentingan nilai ini sejak darjah satu lagi sehingga ke Tingkatan lima. Dengan ini, ia akan mendorong pelajar untuk menghargai kehidupan, mengamalkan etika yang baik, dan menjadi individu yang bermatlamat. Penerapan nilai ini berpotensi mengurangkan gejala sosial seperti buli, penyalahgunaan dadah, dan keganasan. Penerapan nilai ini akan membimbing seseorang pelajar untuk mengelakkan tingkah laku yang tidak baik dan memilih jalan hidup yang lebih sempurna.

### **Penemuan Kajian**

- 1) Kepercayaan Kepada Tuhan merupakan nilai yang wajib diikuti oleh seseorang untuk menikmati kehidupan yang bahagia bukan sahaja di alam bumi tetapi juga di akhirat.
- 2) Manusia yang tidak percaya serta tidak menyembah Tuhan akan dihantar ke Neraka dan diberi hukuman di Neraka.
- 3) Manusia yang menyembah serta percaya kepada Tuhan yang Maha Esa sahaja dapat bebas daripada kitaran kelahiran dan kematian serta mencapai *Mukti* yang dikatakan sebagai tahap kesempurnaan kerohanian.

### **Kesimpulan**

Secara keseluruhannya, nilai Kepercayaan Kepada Tuhan merupakan sifat yang wajib diikuti oleh seseorang untuk menikmati kehidupan yang bahagia bukan sahaja di alam bumi malah di akhirat juga. Teks *Garudapuranam* menyatakan bahawa roh yang tidak percaya kepada Tuhan akan melalui pelbagai jenis penderitaan di Neraka (Thurgadass, 2006). Tambahan lagi, ia menyatakan bahawa roh sebegini sentiasa akan ada dalam kegelapan dan tidak akan mencapai *Mukti* yang dikatakan sebagai tahap kesempurnaan kerohanian. Teori *Vedantham* menyatakan bahawa setiap roh perlu berusaha untuk mencapai *Mukti* yang dikatakan sebagai tahap pencapaian kesempurnaan kerohanian untuk bersatu dengan Tuhan yang Maha Esa. Teori *Vedantham* menekankan bahawa roh merupakan serpihan *Brahman* iaitu Tuhan dan roh perlu bersatu dengan *Brahman* selepas mengenal diri sendiri. Mazhab Hinduisme menegaskan bahawa roh dikatakan akan lahir di alam bumi sehingga mencapai tahap kesempurnaan kerohanian. Thiruvalluvar melalui,

*Veel naal padaa amai nanrartin aqthoruvan  
Vaazhmal vazhiyadaikkum kal. (Thirukural,62)*

menyatakan bahawa seseorang dikatakan tidak akan bebas daripada kitaran kelahiran dan kematian sehingga roh berkenaan berusaha mendekatkan diri dengan Tuhan yang Maha Esa. Jadi setiap roh yang dihantar ke bumi oleh Tuhan yang Maha Esa perlu membuat kebaikan semasa hidup di bumi dan berusaha secara berterusan untuk bersatu dengan Tuhan yang Maha Esa pada suatu hari nanti. Mazhab Hinduisme menyatakan bahawa sesuatu roh perlu menyembah Tuhan serta melakukan

perbuatan yang baik semasa hidup di muka bumi untuk mendekatkan diri dengan Tuhan yang Maha Esa.

### Rujukan:

- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2017). *Kurikulum Standard Sekolah Menengah: Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Pendidikan Moral Tingkatan 3*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Darmalingam, N. (2012). *Thirumanthira Thenamuthu*. Selangor: Yayasan Sakti.
- Devanathan.C.S. (2006). *Vedanery Siddhantham*. Selangor: Chennai: Kavitha Publication
- Gnanasampanthan, A.S. (2005). *Pathinenn Puranankal*. Chennai: Gangai Puthaka Nilayam.
- Kandasamy, N. (2003). *Inthiya Thathtuva Kalanjiyam* (Jilid 2). Citambaram: Meyyappan Publication.
- Keerti. (2013). *Garudapuranam*. Chennai: Sangkar Publication.
- Lawrence Neuman, William. (2003). *Social Research method of Quantitatif and Quqlitqif Approaches*, Boston: Pearson Education Inc.
- MuthuKothala Mariyappa Selvaraj (Mu Ma Se). (2015). *Siththar Kalanjiyam*. Chennai: Narmatha Publication.
- Ponnammal, R. (2019). *Garudapuranam*. Chennai: Giri Trading Agency Private Limited.
- Rajantharan, M., Sillalee, K & Viknarasa, R. (2012). *Pengantar Hinduisme* (Teks Pelajar Agama Hindu). Petaling Jaya: Malaysia Hindu Sangam.
- Rishabananthar. (2008). *Garuda Puranam*. Chennai: Anuragam Publication.
- Satguru Gurudev Muthu Kothala Mariyappa Selvaraj (Mu Ma Se). (2013). *Nyana Oliyudal*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Somasuntharam. (2009). *Sambanthar Tiruneri*. Chennai: Varshan Pasuram.
- Tam Yeow Kwai. (2006). *Konsep Dan Pedagogi Pendidikan Moral Untuk Pelajar-Pelajar KPLI, LPBS Dan PISMP Maktab-Maktab Perguruan*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Thurgadass, S., K. (2006). *Garudapuranam*. Chennai: Prema Pasuram.
- Vellaivarannar, K. (2002). *Saiva Siddantha Sathira Varalaru*. Tanjavur: Tamil University.
- Yudkin, D. A., Gantman, A. P., Hofmann, W., & Quoidbach, J. (2021). Binding moral values gain importance in the presence of close others. *Nature Communications*, 12(1), 2718.